

UMP kini Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Kuantan: Seiring usia 21 tahun kewujudan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** menelusuri kegemilangan, universiti itu kini dijenamakan sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memperkenankan penggunaan logo dan nama UMPSA mengikut Warta Kerajaan Persekutuan yang berkuat kuasa pada 14 April 2023 yang lalu.

UMPSA bermula dengan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), iaitu Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-16 diwartakan pada 16 Februari 2002.

Selepas lima tahun beroperasi, kerajaan mengumumkan pertukaran nama KUKTEM kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkuatkuasa mulai 1 Februari 2007.

Naib Canselor UMPSA, Prof Datuk Dr Yuserrrie Zainuddin, berkata penjenamaan UMPSA bertepatan dengan visi universiti ke arah sebuah universiti teknologi terunggul.

Beliau berkata, walaupun sudah bertukar nama, bidang fokus utama universiti dan program pengajian serta enrolmen tidak berubah mengikut matlamat tujuan penubuhannya.

"Penjenamaan ini akan terus merealisasikan aspirasi kecermerlangan yang dicapai menerusi pemerkasaan akademik, pengantarabangsaan dan hasil penyelidikan berimpak serta menghasilkan graduan cemerlang untuk menjadi modal insan berkualiti dalam memacu pembangunan negara," katanya.

Lawan pelbagai program

Yuserrrie berkata, kebolehpasaran graduan UMP membanggakan apabila mencapai 98.67 peratus dan antara tertinggi di Malaysia.

"Penjenamaan itu juga akan membina *visibility* (keterlihatan), reputasi dan keupayaan universiti seiring dengan perkembangan serta pencapaian universiti yang diiktiraf dunia.

"Selain itu, universiti berkenaan menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi yang be-



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Dr Yuserrrie memegang plakad nama dan penjenamaan baharu UMPSA. (Foto UMPSA)

rupaya memperkaya ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) tahap tinggi di negara ini.

"Sebagai sebuah universiti dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), UMPSA dilihat sentiasa komited mencip-

ta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa," katanya.

Dalam bidang penyelidikan, Yuserrrie berkata, universiti itu memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek in-

dustri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran, di samping mempromosikan aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan untuk manfaat masyarakat seiring slogan 'Teknologi untuk Masyarakat'.